



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


PEMBALIKAN HURUF DALAM KALANGAN MURID DISLEKSIA

NADIA SHUHADA BINTI ABDAN NASIR

FBMK 2020 53



PEMBALIKAN HURUF DALAM KALANGAN MURID DISLEKSIA



Oleh

NADIA SHUHADA BINTI ABDAN NASIR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

Oktober 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



DEDIKASI

Ya Allah, Ya Tuhan ku

Bersyukur ke hadrat Mu yang mengurniakan rahmat dan keberkatan
Memberiku kekuatan, kecekalan dan ketabahan dalam mengharungi liku-liku
kehidupan dan mengajar aku erti sebuah kesabaran

Wahai ibu Hajah Nathrah binti Lop Ahmad

Walau jauh di mata namun tetap dekat di kalbu
Curahan kasih sayangmu sentiasa ku rasai sepanjang waktu tanpa sedikit
keluhan kau lantunkan dari bibirmu sepanjang mendidikku
Doamu sentiasa mengiringi perjalananku
Terima kasih bonda ku

Duhai ayah Haji Abdan Nasir bin Haji Ahmad Sapawi

Setiap nasihat dan galakan yang kau ungkapkan menjadi pemangkin semangat
ku menggapai kejayaan
Segala usaha yang telah kau korbakan demi memudahkan perjalananku
dalam semua urusan
Tidak akan ku sia-siakan sepanjang zaman

Untuk adik-beradik ku

Fatimah Shuhada, Nurul Shuhada, Muhammad Firdaus, Farhana Shuhada,
Khalida Shuhada, dan Al-Tirmizi
Sokongan dan dorongan yang tidak pernah jemu membuatkan aku terus kuat
mengecapi kejayaan

Yang dikasihinya penyelia ku Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam

Segala tunjuk ajar, bimbingan, perkongsian maklumat serta peluang yang
diberikan sepanjang pengajian ini amat ku hargai dan akan ku manfaatkan
segala ilmu yang dicurahkan dalam kehidupan

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

PEMBALIKAN HURUF DALAM KALANGAN MURID DISLEKSIA

Oleh

NADIA SHUHADA BINTI ABDAN NASIR

Oktober 2019

Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji masalah pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia, menghasilkan modul pembelajaran bagi menyelesaikan masalah pembalikan huruf dan menguji keberkesanan modul pembelajaran kepada murid disleksia. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Levinson (1994). Sampel kajian terdiri daripada 10 orang murid disleksia daripada Pusat Disleksia Malaysia di Ampang, Kuala Lumpur yang mengalami masalah pembalikan huruf secara serius. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Manakala alat kajian yang digunakan pula ialah borang soal selidik dan nota lapangan. Lapan huruf yang mempunyai bentuk hampir sama yang biasa mengalami pembalikan oleh kanak-kanak disleksia berdasarkan Teori Levinson (1994), iaitu huruf 'b', 'd', 'p', 'q', 'm', 'w', 'n' dan 'u' telah dipilih dan disenaraikan dalam borang soal selidik. Soal selidik kemudian diberikan kepada responden, iaitu guru-guru di pusat disleksia untuk dijawab. Data kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan semua subjek kajian mempunyai masalah pembalikan terhadap huruf-huruf tersebut. Namun, jenis-jenis huruf yang diterbalikkan adalah berbeza mengikut individu. Maka, bagi menyelesaikan masalah tersebut modul pembelajaran khusus telah dibentuk. Pengisian modul adalah berkaitan teknik-teknik pengajaran yang menggunakan kaedah multisensori dan proses penghasilan modul pula berdasarkan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Selepas modul yang dihasilkan mendapat pengesahan daripada pakar rujuk, iaitu presiden Persatuan Disleksia Malaysia, modul ini seterusnya diuji cuba kepada subjek kajian untuk melihat keberkesanannya dalam menyelesaikan masalah pembalikan huruf. Hasil kajian mendapati semua subjek kajian mampu menyebut dan menulis huruf-huruf yang mempunyai bentuk hampir sama dengan baik tanpa mengalami sebarang pembalikan selepas menggunakan modul ini. Modul pembelajaran ini dirangka bagi membantu para pendidik dan ibu bapa untuk merancang aktiviti yang

sesuai dan berkesan dalam mengatasi masalah pembalikan huruf yang dialami oleh murid disleksia.

Kata kunci: disleksia, pembalikan huruf, modul pembelajaran, teknik pembelajaran, multisensori



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

LETTER REVERSAL AMONG DYSLEXIC STUDENTS

By

NADIA SHUHADA BINTI ABDAN NASIR

Oktober 2019

Chairman : Profesor Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research was conducted to study the problem of letter reversal among dyslexic students. The objectives of this study are to identify letter reversal among dyslexic students, develop a learning module to solve the letter reversal problem, and to test the effectiveness of learning module among dyslexic students. The theory used in this study is the Dyslexic Syndrome Theory by Levinson (1994). The study sample consisted of 10 dyslexic students from Malaysia Dyslexia Association at Ampang, Kuala Lumpur who have serious letter reversal problems. The methodologies involved in this research are observations, interviews and questionnaire. The tools used in this study are questionnaire forms and field notes. Eight letters of similar shape, namely letters 'b', 'd', 'p', 'q', 'm', 'w', 'n' and 'u' which are commonly encountered by dyslexic children based on Levinson's Theory (1994) were selected and listed in the questionnaire form. The questionnaire form was then given to the respondents, who are teachers in the dyslexic center. The data were analysed quantitatively and qualitatively. The findings show that all the students had letter reversal problem. However, types of the letters that are reversed are different based on the individuals. Thus, to solve this problem a learning module has been created. The module consists of teaching techniques that use multisensory methods and module-building processes which was based on the Design and Development Research (DDR) approach. After the module was approved by the referral dyslexia specialist, the module was then tested on the students. The result showed that all the students were able to pronounce and write the letters without experiencing any letter reversal after using the module. The learning module is designed to help the teachers and parents to create appropriate and effective activities to solve letter reversal problem among dyslexic students.

Key words: dyslexia, letter reversal, learning module, teaching techniques, multisensory

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah dan selawat ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w. Syukur ke hadrat Illahi kerana dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan dipermudahkan segala urusan sepanjang menyiapkan tesis dengan jayanya. Bersyukur dengan izin-Nya diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan pengajian dan menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera di Universiti Putra Malaysia.

Di kesempatan ini, dengan rasa rendah diri dan penuh ikhlas dari hati saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, ilmu dan peluang yang diberi dan dikongsi bersama sepanjang tempoh pengajian ini. Berbanyak terima kasih juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Prof. Madya Dr Hajah Rohaidah Haji Kamaruddin atas kesudian memberi pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih juga kepada pihak Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia atas pemberian biasiswa *Graduate Research Fellowship* (GRF) kepada saya.

Seterusnya sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Timbalan Dekan Siswazah dan Antarabangsa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar serta pembantu-pembantu tadbir yang banyak membantu dalam menguruskan para pelajar dalam segala hal.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada kedua ibu bapa dan adik-beradik tersayang yang sentiasa mendoakan dan memberi sokongan moral. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan atas sumbangan, pendapat dan kerjasama yang dikongsi bersama dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala bantuan dan kerjasama yang diberikan amat bernilai dan tidak akan dilupai. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas segala jasa yang telah kalian sumbangkan.

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeriaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hajah Rohaidah Haji Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

Perakuan Pelajar Siswazah

Dengan ini saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk Ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Nadia Shuhada binti Abdan Nasir (GS50766)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa :

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Profesor
Penyeliaan : Dr. Vijayaletchumy Subramaniam

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan : Dr. Hajah Rohaidah Haji Kamaruddin

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Konsep Disleksia	1
1.1.2 Ciri-Ciri Kanak-Kanak Disleksia	3
1.1.3 Hubungan Disleksia dengan Bacaan	4
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Kanak-Kanak Disleksia	10
1.7.2 Pembalikan	11
2 SOROTAN KAJIAN	12
2.1 Kajian Lepas	12
2.1.1 Kajian tentang Simptom Kanak-Kanak Disleksia	12
2.1.2 Kajian tentang Persepsi Ibu Bapa dan Guru terhadap Murid Disleksia	13
2.1.3 Kajian tentang Masalah Pembelajaran Murid Disleksia	15
2.1.4 Kajian tentang Kaedah Pengajaran Murid Disleksia	17
2.1.5 Kajian tentang Teknik Multisensori	18
2.2 Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Pengkaji	21
3 METODOLOGI	23
3.1 Reka Bentuk Kajian	23
3.2 Kerangka Teori	23
3.2.1 Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994)	24
3.2.2 Pendekatan Kaedah Multisensori oleh Orton-Gillingham(1920)	28
3.2.3 Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh Richey dan Klien (2007)	30
3.3 Kerangka Konseptual	33
3.4 Kaedah Kajian	34

3.4.1	Pemerhatian	34
3.4.2	Temu Bual	34
3.4.3	Kaji Selidik	34
3.5	Tempat Kajian	35
3.6	Populasi dan Persampelan	35
3.6.1	Responden Kajian	36
3.7	Alat Kajian	37
3.7.1	Borang Soal Selidik	37
3.7.2	Nota Lapangan	37
3.7.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	38
3.8	Tatacara Kajian	38
3.8.1	Kajian Rintis	38
3.8.2	Kajian Sebenar	39
3.9	Penganalisan Data	41
	Objektif 1 : Mengenal pasti pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia	41
	Objektif 2 : Menghasilkan modul pembelajaran bagi menyelesaikan masalah pembalikan huruf	41
	Objektif 3 : Menguji keberkesanan modul pembelajaran kepada murid disleksia	41
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
4.1	Pembalikan Huruf dalam Kalangan Murid Disleksia	42
4.1.1	Bahagian 1 : Demografi Murid	42
4.1.2	Bahagian 2 : Pembalikan Huruf yang Dialami Subjek Kajian	43
4.2	Penghasilan Modul Pembelajaran bagi Menyelesaikan Masalah Pembalikan Huruf	51
	Fasa 1 : Analisis Keperluan	52
	Fasa 2 : Reka Bentuk dan Fasa 3 : Pembangunan	53
4.3	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Murid Disleksia.	69
4.4	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	80
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	81
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	82
5.1	Rumusan	82
5.2	Kebaharuan	83
5.3	Cadangan	83
5.4	Cadangan Kajian Selanjutnya	84
	RUJUKAN	85
	LAMPIRAN	91
	BIODATA PELAJAR	96
	SENARAI PENERBITAN	97

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Contoh Kesalahan Pengguguran dari Aspek Huruf	25
2	Contoh Kesalahan Pengguguran dari Aspek Perkataan	25
3	Contoh Kesalahan Pemindahan	26
4	Contoh Kesalahan Penyisipan	26
5	Contoh Kesalahan Penggantian	26
6	Contoh Kesalahan Pembalikan dari Aspek Huruf	27
7	Contoh Kesalahan Pembalikan dari Aspek Perkataan (Suku Kata)	27
8	Contoh Kesalahan Pemeluwapan	27
9	Contoh Kesalahan Agakan/Suka-Suka	28
10	Demografi Subjek Kajian	43
11	Pembalikan Huruf Subjek A	43
12	Pembalikan Huruf Subjek B	44
13	Pembalikan Huruf Subjek C	45
14	Pembalikan Huruf Subjek D	45
15	Pembalikan Huruf Subjek E	46
16	Pembalikan Huruf Subjek F	47
17	Pembalikan Huruf Subjek G	47
18	Pembalikan Huruf Subjek H	48
19	Pembalikan Huruf Subjek I	49
20	Pembalikan Huruf Subjek J	49
21	Analisis Secara Keseluruhan Pembalikan Huruf Subjek Kajian	50

22	Contoh Bentuk Gambar yang Biasa Dilihat Kanak-Kanak	56
23	Contoh Perkataan Disusun dalam Bentuk Ritma Yang Sama	60
24	Komen dan Cadangan oleh Pakar terhadap Modul Pembelajaran	67
25	Maklum Balas Guru terhadap Modul Pembelajaran	68
26	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek A	70
27	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek A	70
28	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek B	71
29	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek B	71
30	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek C	72
31	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek C	72
32	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek D	73
33	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek D	73
34	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek E	74
35	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek E	74
36	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek F	75
37	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek F	75
38	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek G	76
39	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek G	76
40	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek H	77
41	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek H	77
42	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek I	78
43	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek I	78
44	Keberkesanan Modul Pembelajaran kepada Subjek J	79
45	Penilaian Guru terhadap Tingkah Laku Subjek J	79

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Teori	23
2	Contoh Mekanisme Kesalahan Membaca Menurut Levinson (1994)	24
3	Proses Pengajaran Menggunakan Kaedah Multisensori oleh Fernald (1943)	29
4	Proses Kaedah Multisensori dalam Pembelajaran Menurut Ott (1997)	30
5	Kerangka Konseptual Berasaskan Pendekatan DDR	32
6	Kerangka Konseptual Kajian	33
7	Carta Aliran Tatacara Kajian Sebenar	40
8	Proses Penghasilan Modul Pembelajaran Menggunakan Pendekatan DDR	52
9	Teknik 1 : Mengecam Bunyi (Aktiviti 1)	54
10	Teknik 1 : Mengecam Bunyi (Aktiviti 2)	55
11	Teknik 2 : Mengecam Objek (Aktiviti 1)	56
12	Teknik 2 : Mengecam Objek (Aktiviti 2)	57
13	Teknik 3 : Mendengar Bunyi Huruf (Aktiviti 1)	58
14	Teknik 3 : Mendengar Bunyi Huruf (Aktiviti 2)	59
15	Teknik 4 : Kenal Bentuk Huruf melalui Simbol/Lambang	61
16	Teknik 5 : Kenal Bentuk Huruf melalui Objek	62
17	Teknik 6 : Menulis di Pergelangan Tangan	63
18	Teknik 7 : Menulis di Permukaan Kasar	64
19	Teknik 8 : Soal dan Jawab	64
20	Teknik 9 : Cari Perbezaan Dua Gambar	65
21	Teknik 10 : Sistem Ganjaran	66

SENARAI SINGKATAN

A	Disleksia Auditori
DDR	Penyelidikan Reka Bentuk Pembangunan
L	Lelaki
P	Perempuan
PDM	Persatuan Disleksia Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
V	Disleksia Visual
V+A	Disleksia Visual dan Auditori
2D	2 Dimensi
3D	3 Dimensi

BAB 1

PENDAHULUAN

Bahagian ini menerangkan secara ringkas tentang pengenalan terhadap kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Aspek-aspek yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Konsep Disleksia

Perkataan 'disleksia' (*dyslexia*) ialah hasil gabungan dua perkataan Greek, iaitu '*dys*' yang membawa maksud 'kesukaran', manakala perkataan '*lexia*' pula bererti 'bahasa'. Maka perkataan '*dyslexia*' mendukung makna 'kesukaran dalam berbahasa' (Ott,1997). Kanak-kanak disleksia bukan sahaja menghadapi masalah dalam pembacaan, tetapi juga ejaan, penulisan serta beberapa aspek yang lain (Sheila Devaraj dan Samsilah Roslan, 2006). Pada tahun 1968, *World Federation of Neurology* telah mendefinisikan disleksia sebagai sesuatu kecelaruan pada kanak-kanak yang menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis atau mengeja, walaupun mereka melalui pengalaman bilik darjah konvensional, mempunyai kecerdasan yang baik, dan peluang sosial budaya yang mencukupi (Capellini, 2007).

Definisi ini sejajar dengan konsep yang dipegang oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyatakan bahawa kanak-kanak disleksia ialah murid-murid yang mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi menghadapi kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca, menulis dan mengira. Hal ini turut disokong oleh kenyataan Harris dan Hodges dalam Zainal Kassin dan Suhaila Abdullah (2010) yang menyatakan bahawa disleksia adalah kanak-kanak yang tidak dapat membaca walaupun mempunyai penglihatan, pendengaran, dan darjah kecerdikan yang normal serta keterampilan usia bahasanya sesuai. Walau bagaimanapun, murid yang menghadapi disleksia mempunyai keupayaan kognitif yang setara dengan murid biasa dan ada dalam kalangan mereka yang mempunyai aras kognitif melebihi murid biasa (Zulikha Jamaludin, 2017).

Menurut Jabatan Pendidikan Khas (2003), terdapat tiga jenis disleksia yang dikenal pasti, iaitu disleksia visual, disleksia auditori dan disleksia visual-auditori. Murid yang menghadapi disleksia visual mempunyai masalah dalam mengenal dan mengingat abjad serta konfigurasi perkataan. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menterjemah simbol perkataan bercetak atau bertulis. Bagi murid yang mengalami disleksia auditori, mereka lemah dalam mengingat bunyi abjad, Menganalisis bunyi mengikut suku kata dalam perkataan dan menyusun suku kata bagi sesuatu perkataan. Manakala murid disleksia visual-auditori menghadapi masalah yang berat dan akan berterusan. Gen keluarga kanak-kanak disleksia merupakan salah satu faktor yang menyebabkan seorang kanak-kanak menghadapi disleksia. Hal ini dibuktikan oleh Hallgren (1970) dalam Zainal Kassin dan Suhaila Abdullah (2010), dalam kajian beliau terhadap 12 kes pasangan kembar *monozygote* dan mendapati kesemua keluarga tersebut mengalami masalah dalam bacaan dan ejaan semasa zaman kanak-kanak. Kajian perubatan di barat juga mendapati bahawa kanak-kanak yang menghadapi disleksia mempunyai latar belakang keluarga yang menghidap sindrom berkenaan (Mohd Azreen Ezairy Mohammad Salih, 2014).

Selain itu, simptom disleksia juga terdapat pada keluarga yang mempunyai anggota kidal (Bradford, 1999). Kajian di Amerika mendapati 80% daripada kesemua subjek kajian yang dikaji mempunyai latar belakang anggota keluarga yang mengalami masalah pembelajaran dan 60% memiliki anggota kidal. Selain faktor keturunan, faktor-faktor lain seperti pemakanan tidak seimbang, kekurangan zat makanan, perkembangan otak tidak sihat, trauma sejak kecil, kelahiran pramatang dan jangkitan kuman semasa ibu hamil juga menjadi punca anak-anak menghadapi disleksia (Zainal Kassin dan Suhaila Abdullah, 2010). Masalah disleksia dalam pembelajaran sudah lama wujud dalam kalangan murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah. Namun, tidak ramai ahli pendidika atau ibu bapa mengetahui mengenai disleksia disebabkan oleh ketiadaan banyak bahan bacaan yang berbentuk buku, majalah, mahupun risalah dalam bahasa Melayu (Sariah Amirin, 2018). Membaca merupakan kemahiran asas dalam pembelajaran. Perbuatan membaca terbina daripada dua proses iaitu mentafsir bentuk bertulis dan memahami mesej yang disampaikan oleh bentuk bertulis tersebut (Everatt, 2008). Menurut Vijayaletchumy Subramaniam dan Wan Muna Ruzanna Mohammad (2012), disleksia dalam aspek bacaan memang wujud namun ramai guru tidak menyedari hal ini kerana kekurangan pengetahuan tentang disleksia. Dengan itu, murid disleksia dimasukkan ke dalam kelas biasa dan terpaksa bersaing dengan murid yang normal dalam semua aspek pembelajaran bahasa. Akibatnya, murid disleksia mendapat markah yang lebih rendah daripada murid normal dan mereka dianggap sebagai murid lembab. Kanak-kanak disleksia pada dasarnya menghadapi masalah berkaitan bahasa, pengamatan, matematik, konsep sendiri dan pemprosesan maklumat (Anida Nasuka, 2014). Namun bagi masalah yang berkaitan dengan bahasa, kanak-kanak disleksia lebih banyak menghadapi masalah dalam kemahiran membaca dan mengeja (Haniz Ibrahim, 2003). Masalah ini berpunca disebabkan oleh wujudnya perkaitan rapat antara kemahiran membaca dan kemahiran mengeja perkataan kerana proses kognitif yang mendasari kedua-dua kemahiran ini adalah hampir sama (Fitzgerald dan Stanahan, 2000).

1.1.2 Ciri-Ciri Kanak-Kanak Disleksia

Menurut Drake (1989), masalah disleksia merujuk kepada beberapa ciri, antaranya ialah ketidakseimbangan dan kebolehan intelektual, kesukaran belajar berbahasa, tidak dapat menulis dengan lancar dan tepat (kesukaran meniru tulisan dari papan hitam atau buku), tidak lancar membaca sesuatu bahan bercetak, mata menjadi penat setelah beberapa minit menumpu pada tulisan, dan tumpuan yang terhad (pendengaran dan pengamatan visual). Kanak-kanak disleksia sering ditemui mempunyai masalah dalam bacaan dan akibatnya akan ditempatkan di kelas khas bagi mengikuti pendidikan di Kelas Pemulihan Khas atau Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (Rohaty Mohd Majzub dan Shafie Mohd Nor, 2005). Kenyataan ini turut disokong oleh Musa Abdul Wahab (2002) yang menyatakan bahawa kanak-kanak disleksia kerap kali ditempatkan bersama kanak-kanak di kelas Pemulihan Khas. Ciri-ciri yang terdapat pada kanak-kanak disleksia adalah berbeza dari hari ke hari atau minit ke minit. Perkara yang paling konsisten mengenai disleksia adalah ketidakselarasan mereka (Davis, 1995). Antara ciri-ciri umum menurut Davis (1995) ialah:

- a) Dilabel malas, bodoh, cuai dan tidak matang.
- b) Berbakat dalam seni, drama, muzik atau sukan.
- c) Merasakan bodoh dan mempunyai keyakinan diri rendah.
- d) Kelihatan pintar tetapi tidak dapat membaca, menulis atau mengeja.
- e) Tinggi dalam IQ.
- f) Mudah kecewa dalam ujian sekolah.
- g) Tempoh perhatian terhad.
- h) Suka berangan dan hiperaktif

Selain itu, Sheila Devaraj dan Samsilah Roslan (2006) telah membahagikan ciri-ciri disleksia kepada empat peringkat umur, iaitu:

1) Kanak-Kanak Prasekolah

- a) Kemahiran bertutur yang lambat dan sukar memahami arahan.
- b) Suka menggantikan perkataan dan hiperaktif.
- c) Mencampuradukkan bunyi dan suku kata dalam perkataan.
- d) Tidak dapat menyatakan perkataan yang mempunyai rima akhir sama.
- e) Kekeliruan antara kanan dan kiri.
- f) Kemahiran motor kasar dan motor halus yang lemah.
- g) Sering kali terlupa nama sesuatu benda atau pelajaran yang dipelajari.
- h) Tidak merangkak semasa bayi.
- i) Suka mendengar bacaan tetapi tidak berminat membaca sendiri.
- j) Sifat ingin tahu yang tinggi, berminat terhadap perkara baharu dan suka bertanya.

- 2) Kanak-Kanak Sekolah Rendah (7-9 tahun)
 - a) Kesilapan membaca, menulis dan mengeja yang lemah dan suka menterbalikkan perkataan, huruf dan nombor.
 - b) Disgrafia (tulisan tangan yang lambat, tidak automatik dan sukar dibaca).
 - c) Bacaan lambat, terputus-putus dan tidak tepat.
 - d) Menggunakan jari untuk membaca dan mengira.
 - e) Menulis dalam bentuk *mirror image* dan terbalik.

- 3) Kanak-Kanak Sekolah Rendah (10-12 tahun)
 - a) Kesilapan membaca, mengeja dan lemah dalam kefahaman.
 - b) Mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan latihan.
 - c) Sukar mengikuti arahan lisan yang panjang.
 - d) Kelihatan tidak terurus semasa berada di rumah atau di sekolah.
 - e) Kurang keyakinan dan menghadapi masalah tekanan.

- 4) Sekolah Menengah
 - a) Kesukaran membaca dan terkeliru dengan perkataan dan ejaan yang tidak konsisten.
 - b) Sukar menulis karangan.
 - c) Perbendaharaan kata yang lemah.
 - d) Tidak dapat menguasai bahasa asing sebagai bahasa kedua.
 - e) Keliru dengan nombor dan arahan verbal.
 - f) Kesukaran mempelajari bahasa lain.
 - g) Lemah dalam kefahaman dan tidak mempunyai ramai kawan.
 - h) Suka keadaan yang sunyi dan senyap.
 - i) Bercakap dengan nada yang kuat atau menjerit.
 - j) Kurang kemahiran bersosial

1.1.3 Hubungan Disleksia dengan Bacaan

Setiap murid di Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mahir dalam kemahiran membaca, kemahiran menulis dan juga kemahiran lisan. Hal ini kerana berikut merupakan tiga komponen utama dalam mata pelajaran bahasa Melayu (Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi, 2016). Kemahiran ini sangat penting dalam membantu murid semasa sesi pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dan mata pelajaran yang lain. Sebelum murid berupaya untuk menulis, murid perlu menguasai kemahiran dalam membaca terlebih dahulu. Kebolehan membaca bukan sahaja dianggap sebagai asas utama bagi mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial, malah sistem persekolahan itu sendiri menganggapnya sebagai asas bagi seseorang itu terus meningkat dalam alam persekolahannya sehingga ke peringkat yang lebih tinggi (Kamarudin Haji Husin, 1998). Penguasaan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah amat penting kerana dapat membantu murid

memahami serta mempelajari ilmu baharu bagi keperluan mendatang. Hal ini kerana membaca merupakan teras kepada segala keupayaan untuk meneroka alam ini dengan diperkukuhkan oleh faktor kepentingan budaya ilmu (Wan Mohd. Noor Wan Daud, 1994). Tetapi kini pelbagai masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak khususnya dalam murid sekolah rendah. Masalah pembelajaran merangkumi kesukaran dalam aspek kemahiran menulis, membaca, mengeja dan mengira. Namun kesukaran yang paling asas dalam pembelajaran adalah kesukaran membaca (Linda Feronika, 2016). Apabila berlaku masalah seperti ini, kebanyakan ibu bapa akan menyalahkan guru jika anak mereka masih tidak dapat membaca mencecah umur 9 tahun, sebaliknya guru pula akan menganggap murid tergolong dalam kalangan murid malas belajar (Zaliza Zubir, Mahfuzah Md Daud dan Ahmad Hifzurrahman, 2014).

Berita Harian (2012) melaporkan bahawa kira-kira 45,000 atau 50 peratus daripada lebih 90,000 kanak-kanak di Malaysia yang menghadapi masalah pembelajaran sejak usia 5 hingga 6 tahun berpunca daripada masalah disleksia. Perangkaan yang diterima oleh Persatuan Disleksia Malaysia daripada Kementerian Pelajaran mendapati nisbah kanak-kanak yang berpotensi mengalami masalah disleksia ialah 5:100 dan ini amat membimbangkan. Semasa murid disleksia membaca, berlaku penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf-huruf. Mata murid-murid disleksia tidak dapat mengimbas huruf, kata, dan ayat yang berlainan (Vijayaletchumy Subramaniam, 2008). Oleh hal yang demikian, penguasaan perbendaharaan kata mereka menjadi terhad dan keadaan ini menjurus kepada berlakunya permasalahan dalam bacaan (Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2013). Selain itu, menurut pakar Perunding dan Perkembangan Pediatrik, Dr. Raja Juanita Raja Lope, masih terdapat kanak-kanak berusia lebih 5 tahun masih tidak dapat membaca dan mengeja perkataan dengan suku kata mudah. Malah ibu bapa masih beranggapan perkara ini normal. Sebaliknya anak-anak mereka mungkin mengalami ketidakupayaan atau gangguan pembelajaran khusus yang dikenali sebagai disleksia dan bagi kanak-kanak yang menghadapi disleksia lazimnya akan mengalami masalah kesukaran membaca (Berita Harian, 2017). Membaca adalah aktiviti penting dalam kehidupan manusia dan kemahiran ini merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan (Yahya Othman, 2003). Menurut Soeisniwati Lidwina (2012), kemampuan membaca bagi kanak-kanak normal dapat dilihat pada usia 6 atau 7 tahun. Namun bagi kanak-kanak disleksia, mereka tidak mampu untuk menunjukkan kemampuan membaca seawal umur tersebut. Bahkan pada usia dewasa, mereka masih mengalami masalah dalam bacaan. Penghidap disleksia mengalami ketidakupayaan untuk belajar disebabkan oleh kesukaran dalam melakukan aktiviti membaca dan menulis. Gangguan ini tidak terbentuk daripada ketidakupayaan fizikal seperti masalah penglihatan, namun hal ini disebabkan oleh kecelaruan pada otak yang mengolah dan memproses maklumat yang sedang dibaca.

Tambahan lagi, Snowling (2000) menyatakan bahawa kanak-kanak disleksia merupakan kanak-kanak yang mempunyai masalah membaca di mana masalah itu tidak dapat diterangkan oleh ketidakupayaan deria, masalah emosi, faktor-faktor kecerdasan intelek yang rendah, kekurangan peluang pendidikan atau kekurangan dalam latar belakang sosioekonomi. Kajian Lee Lay Wah (2004) juga menyatakan bahawa murid-murid disleksia yang membaca dalam bahasa Melayu memang mempunyai kesukaran yang tinggi untuk membaca dan mengeja perkataan. Kanak-kanak yang menderita disleksia mempunyai masalah ketika membaca dapat dikesan melalui ciri-ciri seperti membaca dengan lambat, tidak yakin apabila membaca, menggunakan jari untuk mengikuti pandangan mata yang melihat perkataan pada teks bacaan, melangkau beberapa suku kata, frasa atau baris dalam teks, menambah perkataan atau frasa yang tidak terdapat dalam teks, membolak-balik susunan huruf atau suku kata dengan memasukkan huruf-huruf lain, menyebut sesuatu perkataan dalam teks dengan perkataan lain, membuat perkataan sendiri yang tidak mempunyai makna, dan tidak menghiraukan tanda baca (Fanu, 2007). Selain itu, menurut Subini (2011) pula, antara ciri-ciri kanak-kanak disleksia ketika membaca adalah seperti melakukan penambahan dalam suku kata, menghilangkan huruf dalam suku kata, memterbalikkan huruf, kata, atau angka dengan arah terbalik kiri ke kanan, kanan ke kiri, atas ke bawah atau bawah ke atas, dan mengganti huruf atau angka.

Menurut Levinson (1994), disleksia dalam bacaan menunjukkan murid-murid disleksia tidak dapat mengimbangi daya mengingat huruf dengan perkataan iaitu sama ada secara visual atau fonetik. Apabila kanak-kanak disleksia membaca, berlaku penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf-huruf. Keadaan ini berlaku kerana mata murid-murid disleksia tidak dapat mengimbas huruf dan ayat yang berlainan. Oleh kerana kesukaran mata mengimbas bahan bacaan maka huruf, perkataan dan ayat akan dilangkau-langkau. Keadaan ini akan menyebabkan tumpuan dan pemahaman yang lemah terhadap bahan bacaan. Kesukaran ini menyebabkan murid-murid disleksia tidak dapat memahami bahan bacaan yang dibaca kerana bahan yang dibaca akan diimbas oleh mata akan kelihatan bertaburan. Biasanya murid-murid disleksia akan cuba menyembunyikan kelemahan mereka dengan membuat bentuk huruf, bunyi huruf dan gabungan perkataan supaya kelemahan mereka tidak dapat dikesan oleh guru. Mereka akan mengulang berkali-kali bentuk huruf, bunyi huruf dan gabungan perkataan untuk mengingat huruf. Hal ini kerana penghidap disleksia mudah lupa kerana mereka mempunyai memori jangka pendek. Jika masalah ini tidak ditangani, maka bakat dan kemahiran istimewa yang dimiliki oleh kanak-kanak disleksia yang sedia ada tidak akan terserlah. Murid berkebolehan luar biasa ini akan dianggap lembab oleh guru yang mementingkan prestasi kerana ketinggalan dalam pembelajaran dan ibu bapa juga tidak dapat mencungkilbakat istimewa anak-anak kerana menganggap anak-anak mereka menghadapi penyakit.

1.2 Pernyataan Masalah

Masalah yang paling ketara dapat dilihat pada murid disleksia ketika mereka membaca ialah mereka sering menterbalikkan sesetengah huruf dalam perkataan (Sariah Amirin, 2000). Pembalikan huruf berlaku apabila kanak-kanak disleksia tidak dapat membezakan huruf-huruf yang mempunyai bentuk hampir sama. Kebiasaannya, mereka akan membuat kesilapan seperti huruf /b/ menjadi huruf /d/, huruf /p/ menjadi huruf /q/, huruf /m/ menjadi huruf /w/, dan huruf /n/ menjadi huruf /u/. Selain itu, pembalikan dari segi perkataan pula, kanak-kanak disleksia akan menterbalikkan kedudukan suku kata-suku yang terdapat dalam sesuatu perkataan. Sebagai contoh seperti perkataan 'tisu' menjadi 'suti, perkataan 'buka' menjadi 'kabu' dan perkataan 'buta' menjadi 'tuba'. Kajian terhadap masalah bacaan murid disleksia yang menfokuskan kepada masalah pembalikan huruf kurang dijalankan, seperti kajian yang dijalankan oleh Sumiyati Abdul Halim Jikem (2009) tentang masalah pembelajaran murid berkaitan masalah nombor dan huruf terbalik. Walaupun kajian ini menfokuskan kepada masalah pembalikan huruf dan nombor terbalik, namun murid yang terlibat tidak menunjukkan sebarang ciri-ciri kanak-kanak berisiko disleksia, sebaliknya hanya mempunyai ciri-ciri murid lemah dalam pembelajaran sahaja. Dalam pada itu, kajian Zaliza Zubir, Mahfuzah Md Daud dan Ahmad Hifzurrahman (2014) mengkaji tentang disleksia dalam aspek ejaan bacaan bahasa Melayu. Namun kajian ini tidak menfokuskan kepada masalah pembalikan huruf secara terperinci, sebaliknya skop kajian adalah sangat luas. Kajian ini menfokuskan kepada ketujuh-tujuh kesalahan bacaan murid disleksia dari segi pengguguran, penyisipan, pembalikan, pemeluwapan, pemindahan, penggantian dan agakan atau suka-suka. Oleh sebab kajian terhadap masalah pembalikan huruf murid disleksia tidak difokuskan, maka memberi jurang kepada penyelidik untuk melakukan kajian.

Guru-guru dan ibu bapa menghadapi masalah dalam menyelesaikan masalah bacaan bagi kanak-kanak disleksia. Hal ini kerana mereka kekurangan pengetahuan dan rujukan tentang kaedah pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak disleksia. Kajian yang dilakukan Sri Utami Soraya Dewi (2015), beliau menggunakan kaedah multisensori dalam menyelesaikan masalah bacaan murid disleksia. Hasil kajian menunjukkan peningkatan dalam kemampuan murid disleksia untuk mengenal kata. Sama seperti kajian Ann Lee Sien Sut (2016) yang melaksanakan satu program *MyBACA* iaitu program membaca yang menggunakan penerapan teknik multisensori untuk tujuan pemulihan kanak-kanak disleksia bagi masalah kekeliruan antara abjad dan bunyi. Dengan penggunaan kaedah tersebut, hasil kajian menunjukkan kesan yang positif. Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa kaedah multisensori memberi impak yang positif dalam kebanyakan masalah pembelajaran murid disleksia. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menfokuskan kepada masalah pembalikan huruf. Perkara ini memberi jurang kepada penyelidik untuk menghasilkan modul pembelajaran dengan menggunakan kaedah multisensori bagi menyelesaikan masalah pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia. Oleh itu, bertitik tolak daripada kajian Ann Lee Sien Sut (2016), maka kajian ini akan membentuk teknik pengajaran dalam bentuk modul bagi menyumbang idea kepada guru-guru di pusat disleksia untuk melakukan teknik baharu dalam membentuk aktiviti-aktiviti

pengajaran murid-murid disleksia tanpa perlu pengendalian daripada penyelidik. Selain itu, modul dibentuk juga sebagai rujukan kepada ibu bapa memandangkan kanak-kanak disleksia lebih banyak menghabiskan masa di rumah. Kajian lepas seperti kajian Ann Lee Sien Sut (2016) yang hanya mengadakan program untuk menyelesaikan masalah pembelajaran murid disleksia tidak mampu untuk dikendalikan setiap masa. Maka jurang ini menyebabkan penyelidik membangunkan modul sebagai kaedah yang berkesan untuk mengatasi masalah pemalihan huruf murid disleksia.

Selain itu, tidak dinafikan banyak kajian yang dijalankan tentang kaedah atau teknik pengajaran bagi menyelesaikan pelbagai masalah bagi murid disleksia. Namun, kebanyakan kajian-kajian tersebut tidak menguji keberkesanan intervensi yang dilakukan. Sebagai contoh, dalam kajian Nur Syuhada Mohamad Abdul Wahab dan Faridah Yunus (2016), mereka memberi pendapat bahawa pelaksanaan teknik multisensori merupakan satu alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran literasi kanak-kanak. Kenyataan ini hanya dinyatakan secara umum tanpa melakukan sebarang pengujian kaedah-kaedah tersebut kepada murid disleksia. Maka, teknik multisensori tidak dapat diukur keberkesanannya. Oleh hal yang demikian, menjadi satu jurang kepada penyelidik untuk menguji keberkesanan kaedah multisensori dalam menyelesaikan masalah murid disleksia.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti pemalihan huruf dalam kalangan murid disleksia.
2. Menghasilkan modul pembelajaran bagi menyelesaikan masalah pemalihan huruf.
3. Menguji keberkesanan modul pembelajaran kepada murid disleksia.

1.4 Persoalan Kajian

1. a) Bagaimanakah cara untuk mengetahui pasti pemalihan huruf dalam kalangan murid disleksia?
b) Apakah jenis pemalihan huruf dalam kalangan murid disleksia?
2. a) Apakah bentuk modul pembelajaran bagi menyelesaikan masalah pemalihan huruf?
b) Bagaimanakah cara pembentukan modul pembelajaran?
3. a) Bagaimanakah cara menguji keberkesanan modul pembelajaran?
b) Siapakah yang terlibat dalam proses uji coba modul pembelajaran?
c) Sejauh manakah modul pembelajaran berkesan dalam menyelesaikan masalah pemalihan huruf?

1.5 Batasan Kajian

Masalah berkaitan pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia berdasarkan mekanisme kesalahan bacaan akan menggunakan Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994). Levinson (1994) telah menjelaskan bahawa terdapat tujuh mekanisme kesalahan bacaan yang dilakukan oleh kanak-kanak disleksia, iaitu pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan, pemelewan, dan agakan atau suka-suka. Namun, dalam kajian ini penyelidik telah membataskan kepada masalah pembalikan sahaja. Hal ini kerana masalah pembalikan merupakan masalah paling ketara yang dilakukan oleh murid disleksia ketika membaca (Sariah Amirin, 2000). Menurut Levinson (1994) lagi, masalah pembalikan dalam aspek bacaan terbahagi kepada dua, iaitu pembalikan huruf dan pembalikan perkataan. Dalam kajian ini penyelidik membataskan kepada masalah pembalikan huruf sahaja. Hal ini kerana dalam menguasai kemahiran membaca, murid perlu mengenali huruf terlebih dahulu. Selain itu, penyelidik juga membataskan hanya kepada 8 huruf sahaja, iaitu huruf 'b', 'd', 'p', 'q', 'm', 'w', 'n' dan 'u'.

Penghasilan modul pembelajaran bagi menyelesaikan masalah pembalikan huruf terdiri daripada teknik-teknik pengajaran yang menggunakan kaedah multisensori dalam menyelesaikan masalah pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia. Kaedah multisensori dikenali sebagai kaedah pelbagai deria yang merangkumi empat deria iaitu visual (penglihatan), auditori (pendengaran), kinestetik (pergerakan), dan taktil (sentuhan). Dalam pada itu, penyelidik turut membataskan proses penghasilan modul dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Pendekatan ini secara asasnya terbentuk melalui empat fasa, iaitu fasa pertama ialah fasa analisis keperluan, fasa kedua ialah fasa reka bentuk, fasa ketiga ialah fasa pembangunan, dan fasa keempat ialah fasa penilaian (pengujian kebolegunaan). Namun dalam objektif kedua, penyelidik membataskan kepada fasa pertama hingga fasa ketiga kerana objektif ini hanya menfokuskan kepada proses penghasilan modul. Menguji keberkesanan modul pembelajaran yang dihasilkan kepada murid disleksia digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan dinilai keberkesananannya berdasarkan sejauh mana masalah pembalikan huruf murid disleksia dapat diselesaikan dengan menggunakan modul ini.

1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Kementerian dan NGO

Hasil penyelidikan dapat memberi sumbangan kepada negara melalui penghasilan modul pembelajaran baharu untuk murid-murid disleksia. Modul pembelajaran baharu ini dapat membantu murid-murid yang mengalami disleksia dalam mengatasi masalah pembalikan huruf. Kaedah, teknik dan pendekatan yang lebih sistematik dan strategik dalam modul ini dapat memenuhi keperluan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah pendidikan khas. Pihak-pihak berwajib yang mendapat manfaat

daripada kajian ini, antaranya ialah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Hal ini kerana pihak-pihak berwajib mampu menerapkan kaedah pembelajaran baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk murid- murid disleksia. Penyelidikan ini memberi satu inovasi baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah melalui sistem pendidikan negara dan pihak berkuasa mampu merealisasikannya.

1.6.2 Guru

Kajian ini juga dapat membantu guru-guru di sekolah-sekolah awam mahupun swasta untuk mengenal pasti murid-murid yang menghadapi masalah disleksia dalam kalangan murid biasa di dalam kelas. Seterusnya, dapat membantu guru untuk mengetahui kaedah dan teknik yang betul dan sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid disleksia. Selain di sekolah, kajian ini juga dapat membantu guru di Pusat Pendidikan Khas Disleksia untuk mengesan jenis masalah yang dihadapi oleh murid disleksia terutama dalam aspek pembacaan.

1.6.3 Ibu Bapa

Kajian ini juga amat penting kepada ibu bapa kepada anak-anak disleksia untuk diberi pendekatan terhadap kaedah pengajaran baharu. Pemahaman ibu bapa terhadap disleksia mestilah diberi perhatian. Hal ini kerana pada hakikatnya, ibu bapa masih kurang pengetahuan berkaitan disleksia. Mereka memerlukan garis panduan asas terlebih dahulu sebelum guru kerana kanak-kanak disleksia lebih banyak menghabiskan masa bersama ibu bapa mereka di rumah. Oleh itu, melalui penyelidikan ini, ibu bapa dapat membimbing anak-anak disleksia dengan mudah dan lebih baik.

1.6.4 Murid Disleksia

Kajian ini memberi penekanan terhadap kemampuan murid-murid disleksia untuk mengatasi masalah pembalikan huruf yang lebih serius. Cadangan kaedah, pendekatan dan aktiviti pengukuhan yang dicadangkan dapat membantu murid-murid mengenal pasti bentuk huruf yang betul dan mudah bagi mereka. Oleh itu, masalah pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia dapat diatasi.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Kanak-Kanak Disleksia

Kanak-kanak merupakan budak lelaki atau perempuan yang umurnya biasanya tidak melebihi 7 atau 8 tahun (Kamus Dewan Edisi Empat, 2008). Disleksia pula merupakan istilah yang berasal daripada dua perkataan Latin

dan Greek, iaitu 'dys' yang membawa maksud kesukaran dan 'lexis' yang membawa maksud perkataan. Choong Lean Keow (2009) pula mendefinisikan disleksia sebagai kesukaran menggunakan perkataan yang dihadapi oleh murid yang menghadapi kecelaruan bahasa. Dalam kajian ini kanak-kanak disleksia merujuk kepada murid-murid disleksia yang mengalami masalah pembalikan huruf dan usia mereka dalam lingkungan 7 hingga ke 13 tahun. Walaupun usia kanak-kanak ini tidak bertepatan dengan definisi yang dinyatakan dalam Kamus Dewan Edisi Empat, namun kesulitan dalam memproses perkataan bagi kanak-kanak disleksia ini tidak dapat diramal perkaitannya dengan usia (Dewi Nastiti L., 2009). Oleh itu, kanak-kanak disleksia dalam kajian ini hanya merujuk kepada murid-murid disleksia daripada Persatuan Disleksia Malaysia, Ampang. Kanak-kanak disleksia ini merupakan subjek kajian yang dipilih seramai 10 orang dan terdiri daripada murid yang mengalami masalah pembalikan huruf secara serius.

1.7.2 Pembalikan

Pembalikan merupakan salah satu jenis kesalahan yang biasa dilakukan oleh kanak-kanak disleksia dalam aspek bacaan. Masalah pembalikan berlaku apabila kanak-kanak disleksia mula membaca sesuatu secara terbalik. Menurut Levinson (1994), jenis kesalahan ini dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pembalikan huruf dan pembalikan perkataan. Pembalikan huruf biasanya dilakukan oleh kanak-kanak disleksia apabila mereka melihat huruf yang mempunyai bentuk hampir sama seperti /b/, /d/, /p/, /q/, /m/, /w/, /n/ atau /u/. Manakala pembalikan dari segi perkataan pula berlaku apabila kanak-kanak disleksia membaca suku kata dalam perkataan secara terbalik, seperti /nasi/ menjadi /sina/ atau /batu/ menjadi /tuba/. Namun, dalam kajian ini, pembalikan merujuk kepada masalah pembalikan huruf yang dialami oleh subjek kajian.

Secara ringkasnya, bahagian ini menerangkan tentang pengenalan terhadap kajian yang dijalankan penyelidik. Dalam bahagian ini, aspek-aspek yang dibincangkan merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Bab seterusnya akan membincangkan tentang sorotan kajian-kajianlepas.

RUJUKAN

- Anida Nasuka. (2014). *Keberkesanan Pemetaan Minda dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Disleksia*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Ann Lee Sien Sut. (2016). *Evaluation of The Effects of a Multisensory Malay Language Reading Programme on The Decoding Skills of Children with Dyslexia*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Bradford, J. (1999). *Designing web pages for dyslexic readers*. Dimuat turun pada 21 November 2018, dari <http://www.dyslexia-parent.com/mag35.html>
- Capellini, S. A. (2007). *Neuropsycholinguistic Perspectives on Dyslexia and Other Learning Disabilities*. New York : Nova Science Publishers.
- Choong Lean Keow (2009). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Davis, R.D. (1995). *The Gift of Dyslexia*. London : Souvenir Press.
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook of Qualitative Research (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Dewi Nastiti L. (2009). Mind Map Sebagai Upaya Mengatasi Kesulitan Membaca Pada Siswa Disleksia. *Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya 7*. 27-28 April. Jakarta: Pusat Kajian Bahasa dan Budaya.
- Drake, C. (1989). *Dyslexia and other Language Disabilities of the Appellate Division of the Supreme Court of the State of New York*. New York : Committee on Juvenile Justice.
- Ellis, T.J. & Levy, Y. (2010). A Guide for Novice Researchers : Design and Development Research Methods, *Proceedings of Informing Science & IT Education Conference (InSITE) 2010, Santa Rosa*, 89, 145-156.
- Everatt, J. (2008). *Proses Penglihatan dan Perhatian : Membaca dan Disleksia*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Fajar Kawuryan & Trubus Raharjo. (2012). Pengaruh Stimulasi Visual untuk Meningkatkan Kemampuan Membaca pada Anak Disleksia. *Jurnal Psikologi Pitutur*. 1, 9-20.
- Fanu, J.L. (2007). *Deteksi Dini Masalah-Masalah Psikologi Anak*. Yogyakarta: Think.

- Fernald, G. (1943). *Remedial Techniques in Basic School Subjects*. New York: McGraw-Hill.
- Fitzgerald, J. & Stanahan, T (2000). Reading and Writing Relations and Their Development. *Educational Psychologists*, 35, 39-50.
- Green, S. (2007). *100 Ideas for Supporting Pupils with Dyslexia*. London : Continuum.
- Halina Mohd Noor. (18 Februari 2017). *Disleksia Lambatkan Proses Pembelajaran*. Berita Harian Online. Tarikh diakses pada 25 Oktober 2010, dari <https://www.bharian.com.my/node/249663>
- Hallgren, B. (1950). Specific Dyslexia. *Acta Psychiatr Neurol Scand (Suppl.)*.65, 12-22.
- Haniz Ibrahim (2003). *Program Bermasalah Pembelajaran Spesifik Disleksia Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Pendidikan Khas Kebangsaan Ke-3. Kuala Lumpur, 29 September-2 Oktober.
- Harliyana Ramli. (23 November 2012). *Garis Simetri*. Tarikh diakses 28 Ogos 2019, dari <http://harliyanarami.blospot.com/2012/11/garis-simetri.html?m=1>
- Kamarudin Haji Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2008). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lay, Y.F. & Khoo, C. H. (2015). *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan*. Sabah : Universiti Malaysia Sabah.
- Lee Lay Wah. (2004). Understanding Dyslexia in Malaysia from The Parents' Perspective. *Proceedings of the Hawaii International Conference on Education 2004, University of Hawaii, West Oahu*, 45, 3709–3722.
- Levinson, H.N. (1994). *A Solution to The Riddle Dyslexia*. New York : Springer-Verlag.
- Liyana Ahmad Arif, Nurul Fatimah Hanapi & Khuzaiton Zakaria. (2013). *Persepsi dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam Menghadapi Permasalahan Disleksia dalam Kemahiran Literasi*. Kelantan : Universiti Malaysia Kelantan.

- Linda Feronika. (2016). *Studi Analisis tentang Kesulitan Membaca (Dyslexia) serta Upaya Mengatasinya pada Siswa VB SD Muhammadiyah 22 Sruni, Surakarta*. Surakarta : Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Majeda Al Sayyed Obaid. (2013). The Impact of Using Multi-Sensory Approach for Teaching Students with Learning Disabilities. *Journal of International Education Research*. 9, 75-82.
- Malatesha, R.N & Whiraker, H.A. (1982). *Dyslexia : A Global Issue*. Itali : Maratea Nijhoff Publishers.
- Milano, M. & Ullius, D. (1998). *Designing Powerful Training, The Sequential_iterative Model*. San Fransisco : A Wiley Company.
- Mohd Azreen Ezairy Mohammad Salih. (2014). *55 Soal Jawab Penyakit Bersama Dr. Ezairy : Merungkai Satu Per Satu Permasalahan Penyakit*. Shah Alam : Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Mohd Yusof. (24 Mac 2012). Isu Pendidikan : 45,000 Kanak-Kanak Hidap Disleksia. *Berita Harian Online*. Tarikh diakses 15 Januari 2019, dari https://www.bharian.com.my/bharian/articles/45_000budakhidapDisleksia/Article/index.html
- Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi. (2016). *Tahap Kefahaman Membaca antara Murid Pasca Linus dan Murid Arus Perdana*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, et. al., (2017). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Bangi : Minda Inteltek Agency.
- Mohd Shaffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musa Abdul Wahab. (2002). *Tinjauan Ciri-Ciri Disleksia di Kalangan Murid Pemulihan di Zon Pudu, Wilayah Persekutuan*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Yildiz, Kasim Yildirim, Seyit Ates & Timothy Rasinski (2012). Perceptions of Turkish Parents with Children Identified as Dyslexic about The Problems that They and Their Children Experience. *Reading Psychology*. 33, 399-422.
- Naimah Yusoff. (2005). *Perbandingan Dua Kaedah Mengajar Bacaan Awal Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

- Noor Syamilah Md Maliki dan Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2017). Application of Multisensory in Learning Alphabets Identification Skills for Special Education Students. *Journal of ICSAR*. 1, 150-154.
- Nur Syuhada Mohamad Abdul Wahab & Faridah Yunus. (2016). *Teknik Multisensori dalam Pengajaran dan Pembelajaran Literasi Huruf Kanak-Kanak Prasekolah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Anis Mohd Yuzaidey, Norman Che Din, Mahadir Ahmad, Norhayati Ibrahim, Rogayah A. Razak dan Dzalani Harun. (2018). Interventions for Children with Dyslexia : A Review on Current Intervention Methods. *Med J Malaysia*. 73, 311-320.
- Nurul Farhanah Bakar & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2018). *Prevalence Murid Berisiko Disleksia dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ott, P. (1997). *How to Detect and Manage Dyslexia*. London : Heinemann Educational Publishers.
- Rajesvari Ramasamy. (2008). *Masalah Disleksia dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan di Sekolah Rendah, Pulau Pinang*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Reid, G. & Green, S. (2007). *100 Ideas for Supporting Pupils with Dyslexia*. London : Continuum International Publishing Group.
- Richey, R.C. & Klien, JD. (2007). *Design and Development Research : Methods, Strategies and Issues*. London : Erlbaum.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. PTS Publications & Dist.
- Rohaty Mohd Majzub & Shafie Mohd Nor. (2005). Simptom Disleksia Kanak- Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 30, 3-19.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17, 125-146.
- Salehuddin Sulaiman. (2019). Kesan, Fahami Anak Disleksia. Tarikh diakses 22 Oktober 2019 dari <https://selangorkini.my/2019/08/kesan-fahami-anak-disleksia/>
- Sariah Amirin (2000). *My LexicsTM: Edisi Bahasa Malaysia Modul 1-Modul 10*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd dan Persatuan Dyslexia Malaysia.
- Sharifah Nawirah Syed Hassan. (2016). Model Pemulihan Disleksia Davis dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Disleksia. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 151-155.

- Sheila Devaraj & Samsilah Roslan. (2006). *Apa Itu Disleksia : Panduan untuk Ibu Bapa, Guru dan Kaunselor*. Batu Caves : PTS Professional Publishing.
- Snowling, M. J. (2000). *Dyslexia (2nd ed.)*. Oxford, UK: Blackwell.
- Soeisniwati Lidwina. (2012). Disleksia Berpengaruh Pada Kemampuan Membaca dan Menulis. *Jurnal Stie Semarang*, 4, 9-18.
- Sri Utami Soraya Dewi. (2015). Pengaruh Metode Multisensori dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Permulaan pada Anak Kelas Awal Sekolah Dasar. *Jurnal Program Studi PGMI*, 2, 1-11.
- Subini, N. (2011). *Mengatasi Kesulitan Belajar Pada Anak*. Bandung : PT Buku Kita.
- Sumiyati Abdul Halim Jikem. (2009). Nombor dan Abjad Terbalik. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, 28-29 November.
- Tg. Iffah Tuan Yazid & See Soo Yin. (2015). *Pemahaman Ibu Bapa Terhadap Masalah Disleksia : Jeli, Kelantan*. Kelantan : Universiti Malaysia Kelantan.
- Treiman, Gordon, Boada, Peterson dan Penington. (2014). Statistical Learning, Letter Reversals and Reading. *Scientific Studies of Reading*. 18, 34-48.
- Varia Nihayatus Saadah & Nurul Hidayah. (2013). Pengaruh Permainan Scrabble terhadap Peningkatan Kemampuan Membaca Anak Disleksia. *Jurnal Fakultas Psikologi*. 1, 39-52.
- Vijayaletchumy Subramaniam. (2003). *Disleksia dalam Aspek Bacaan Bahasa Melayu*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Vijayaletchumy Subramaniam. (2008). Disleksia dalam Konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 16, 115-139.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2012). Penggunaan Bahasa Verbal dalam Kalangan Murid Disleksia. *Jurnal Bahasa*. 27, 153-169.
- Wan Mohd. Noor Wan Daud. (1994). *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar Membaca : Teori dan Aplikasi*. Pahang: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Zainal Kassan & Suhaila Abdullah. (2010). *Pendidikan Disleksia*. Puchong : Penerbit Multimedia.

Zaliza Zubir, Mahfuzah Md Daud & Ahmad Hifzurrahman. (2014). *Disleksia Dalam Aspek Ejaan Bacaan Bahasa Melayu*. Perlis : Universiti Malaysia Perlis.

Zulikha Jamaludin. (2017). *Panduan Guru Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Disleksia*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.



BIODATA PELAJAR



Nadia Shuhada binti Abdan Nasir merupakan anak jati negeri Perak yang menetap di sebuah pekan kecil di daerah Perak Tengah, iaitu Bota Kanan. Beliau merupakan anak keenam daripada tujuh adik-beradik kepada Encik Haji Abdan Nasir bin Haji Ahmad Sapawi dan Puan Hajah Nathrah binti Lop Ahmad. Beliau dilahirkan pada 8 Januari 1994 di sebuah hospital desa, iaitu Hospital Changkat Melintang.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Padang Changkat, Bota Kanan, Perak daripada darjah satu sehingga darjah enam pada tahun 2001 hingga 2006. Kemudian pada tahun 2007 sehingga 2011 beliau memasuki Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yaakub, Bota Kanan, Perak. Setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau melanjutkan pelajaran di Tingkatan Enam pada tahun 2012 sehingga 2013 di sekolah yang sama untuk mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Pada tahun 2014, dengan kelayakan yang diperolehi daripada STPM, beliau telah menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam program Bachelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor sehingga tahun 2017. Pada tahun berikutnya, iaitu tahun 2018 beliau menyambung pengajian ke peringkat Master dengan pengkhususan Bahasa Melayu sepenuh masa di universiti yang sama.

SENARAI PENERBITAN

Artikel

- Nadia Shuhada Abdan Nasir & Vijayaletchumy Subramaniam. (2018). Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu. *Majalah Dewan Bahasa*. Disember 2018, Bil. 12 2018, pp. 20-24.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Nadia Shuhada Abdan Nasir. (2019). Teknik 10T+VAKT Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Disleksia. *Majalah Dewan Bahasa*. Ogos 2019, Bil. 8 2019, pp. 12-15.

Jurnal

- Vijayaletchumy Subramaniam, Nadia Shuhada Abdan Nasir & Amirra Shazreena Aminul Razin. (2018). Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMB) in The Teaching and Learning Process. *Advances in Social Science Research Journal*, Vol. 5, No.12 : 501 – 518 (Disember 2018).
- Vijayaletchumy Subramaniam & Nadia Shuhada Abdan Nasir. (2019). Pembalikan Huruf dalam Aspek Bacaan Murid Disleksia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. (Accepted)
- Vijayaletchumy Subramaniam & Nadia Shuhada Abdan Nasir. (2020). Multisensory Therapy in Letter Reversal of Dyslexic Pupils. *Universal Journal of Education Research*, Vol 8, No 12A (November, 2020).
- Vijayaletchumy Subramaniam & Nadia Shuhada Abdan Nasir. (2020). Types of Letter Reversal among Dyslexic Students. *Walailak Journal of Science and Technology (WJST)*, Disember, 2020. (Accepted)

Prosiding

- Nadia Shuhada Abdan Nasir. *Pembalikan Huruf dalam Aspek Bacaan Murid-Murid Disleksia* (2019). Prosiding dari Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBUM 2). Jerman : Universiti Goethe, Frankfurt.

Inovasi

- Lajur Ampuh Membaca Bahasa Melayu (LAMB)



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Pertama 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PEMBALIKAN HURUF DALAM KALANGAN MURID DISLEKSIA

NAMA PELAJAR : NADIA SHUHADA BINTI ABDAN NASIR

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)



SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :



PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama: Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]